BULETIN UTHM

Bil.8 Ogos 2025 | ISSN 2232-0415

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UTHM laksana pelbagai program patriotik, semarakkan sambutan Bulan Kebangsaan ke-68

ISSN 2232-0415
9 772232 041007

UTHM Johor | subscribe UTHM TV | www.uthm.edu.my

Global Technopreneur University 2030

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

1 UTHM laksana pelbagai program patriotik, semarakkan sambutan Bulan Kebangsaan ke-68

3 Lebih 500 peserta sertai perarakan, meriahkan Sambutan Bulan Kebangsaan Ke-68 UTHM

5 544 staf UTHM terima anugerah di Majlis Anugerah Bitara Kirana 2025

7 UTHM terima Anugerah Universiti TVET Terbaik Malaysia dalam teknologi pengangkutan

8 30 pelajar Pusat Pengajian Diploma, UTHM sertai ESTE2025, rangkul 15 anugerah peringkat antarabangsa

10 UTHM jalin kerjasama dengan OISCA, perkukuh hubungan Malaysia-Jepun

12 Brisk walk bersama Naib Canselor UTHM lakar logo Malaysia Madani

13 Terbitan Terkini

REDAKSI

EDITOR
Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

WARTAWAN / PENYELARAS
Suriayati Baharom

GRAFIK
Mohd Arshad Mohd Lokoman

FOTOGRAFI
Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

PENERBIT
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:
Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi juga mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM
Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UTHM laksana pelbagai program patriotik, semarakkan sambutan Bulan Kebangsaan ke-68

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) akan melaksanakan pelbagai program patriotik bermula 15 Ogos sehingga 16 September 2025 akan datang bagi menyemarakkan lagi sambutan Bulan Kebangsaan ke-68 dan Hari Malaysia 2025 peringkat universiti.

Pelbagai program menarik telah disusun bagi meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan warga universiti, antaranya termasuklah Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat, Peluncuran Bulan Kebangsaan dan Konvoi Jalur Gemilang, Jejak Sejarah di Bukit Kepong, Brisk Walk Merdeka UTHM bersama Naib Canselor, Forum Patriotisme dalam Era Digital, serta pameran berkaitan sejarah dan sumbangan alumni.

Program kemuncak adalah Perasmian Sambutan Bulan Kebangsaan dan Majlis Penutup yang turut diraikan bersempena sambutan Hari Malaysia.

Semua itu adalah sebagai usaha untuk menyuburkan rasa cinta kepada negara dan menghargai jasa pejuang terdahulu.

Selain bacaan yasin dan doa selamat, Majlis Peluncuran Bulan Kebangsaan dan Konvoi Jalur Gemilang yang diadakan pada 19 Ogos 2025 lalu bertempat di Pusat Konvensyen Hab Pendidikan Tinggi Pagoh (HPTP) merupakan permulaan untuk UTHM menyemarakkan sambutan kemerdekaan negara ke-68.

Antara aktiviti yang diadakan bersempena peluncuran tersebut adalah aktiviti konvoi bermotosikal yang diketuai Naib Canselor UTHM, Profesor Dr. Mas Fawzi Mohd Ali dari kampus induk ke kampus Pagoh dengan membawa jalur gemilang.

Turut diadakan, penyerahan sumbangan kepada murid kategori B40 dari 10 sekolah sekitar Pagoh dan penyerahan 'Peranti Siswa' kepada 33 pelajar UTHM yang terpilih sebagai tanda keprihatinan universiti kepada komuniti.

Lebih bermakna lagi, kumpulan konvoi bermotosikal terbabit turut bergerak ke Muzium Polis dan Galeri Darurat Bukit Kepong bagi menjayakan program "Jejak Sejarah" dan khidmat masyarakat.

Aktiviti tersebut bertujuan menyingkap dan menghayati kembali sejarah negara khususnya sejarah Bukit Kepong, selain memberi khidmat bakti kepada komuniti Johor melalui aktiviti pembersihan pusara prajurit tanah air.

Naib Canselor dalam ucapan perasmiannya berkata, sebagai sebuah universiti yang unggul, UTHM memikul amanah besar untuk menyumbang kepada kemajuan negara melalui pendidikan, penyelidikan dan khidmat kepada masyarakat.

"UTHM juga memainkan peranan yang amat penting dalam melahirkan generasi intelektual yang bukan sahaja cemerlang dari segi ilmu pengetahuan, tetapi juga tinggi nilai moralnya, berjiwa patriotik dan bersedia memimpin negara menuju masa depan yang makmur dan sejahtera.

"Pengisian yang dirangka ini selaras dengan tema tahun ini Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni, yang mengingatkan bahawa negara merdeka dan makmur tidak hanya diukur dengan pembangunan fizikal, tetapi juga dengan nilai kasih sayang, empati dan keprihatinan kepada rakyat yang memerlukan," katanya.

UTHM berharap sambutan Hari Kebangsaan itu dapat dijadikan pemangkin untuk memperkukuh rasa cinta warga kepada tanah air, sekali gus menjadi sumbangan kecil namun bermakna dalam membina Malaysia yang aman, makmur dan disegani.

Lebih 500 peserta sertai perarakan, meriahkan Sambutan Bulan Kebangsaan Ke-68 UTHM

PAGOH, 26 Ogos 2025 - Sebanyak 12 kontinjen dengan lebih 500 peserta berkampung di Stadium Gunasama Hab Pendidikan Pagoh, Muar seawal pukul 8 pagi bagi memeriahkan perarakan Hari Kebangsaan ke-68 peringkat Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Bertemakan 'Jiwa Merdeka,' perarakan tersebut disempurnakan oleh Dato' Sri Ibrahim Ahmad, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti.

Program perarakan anjuran Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat itu menyaksikan Kontigen Pejabat Pengurusan Makmal Kampus Pagoh meraih gelaran 'Juara' bagi kategori staf, manakala Kontinjen Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) bergelar 'Naib Juara'.

Sementara itu, Kontigen Jabatan Kejuruteraan Mekanikal meraih gelaran 'Juara' bagi kategori pelajar, manakala Kontigen Jabatan Sains dan Matematik pula meraih gelaran 'Naib Juara'.

Dato' Sri Ibrahim dalam ucapannya berkata, universiti turut melibatkan pelajar dalam penganjuran kali ini bagi menyemai semangat perpaduan dan cintakan negara dalam kalangan generasi muda.

Menurut beliau, UTHM sentiasa menyokong usaha untuk membangun bakat pelajar bagi melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan bersedia menghadapi cabaran alaf 21.

"Usaha ini antara yang terkandung dalam modul GRITT yang mewakili lima nilai yang diterapkan dalam pembentukan DNA Kecemerlangan Mahasiswa iaitu Global, Resilience, Innovative, Trustworthy dan Talent.

"Modul tersebut dibangunkan bagi membentuk mahasiswa yang berciri holistik dan global seiring dengan hala tuju UTHM ke arah Global Technopreneur University 2030 (GTU 2030)," katanya.

Beliau turut menyeru warga universiti untuk memperkukuhkan lagi semangat perpaduan bagi mewujudkan suasana kampus yang harmoni.

"Ini kerana perpaduan adalah asas kekuatan sesebuah negara; apabila kita bersatu hati tanpa mengira perbezaan, kemajuan dan keharmonian pasti dapat dikecapi bersama," tambah beliau.

Turut hadir memeriahkan perarakan, Prof. Dr. Mas Fawzi Mohd Ali, Naib Canselor UTHM; Prof. Ir. Dr. Mohd Amri Lajis, Ahli Lembaga Pengarah Universiti;

Prof. Dr. Shahruddin Mahzan @ Mohd Zin, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa); Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni), Prof. Dr. Afandi Ahmad, Provos UTHM Kampus Cawangan Pagoh dan Haji Naim Maslan, Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi.

544 staf UTHM terima anugerah di Majlis Anugerah Bitara Kirana 2025

BATU PAHAT – Seramai 544 staf Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dari pelbagai skim dan gred perkhidmatan telah menerima anugerah di Majlis Anugerah Bitara Kirana yang berlangsung pada 11 Ogos 2025 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, kampus induk.

Majlis tersebut menyaksikan seramai 205 staf menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, manakala Anugerah Jasa Bakti (43), Anugerah Taat Setia (158), Anugerah Khas Panel Penilaian Sumber Manusia (50), Anugerah Jasa 30 Tahun (15), penerima Anugerah Sukan (9) dan Anugerah Inspirasi Cendekiawan (28).

Majlis Anugerah Bitara Kirana yang dahulunya dikenali sebagai Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang diadakan setiap tahun bertujuan memberi penghargaan kepada mereka yang telah memberi khidmat bakti terbaik dalam melaksanakan tugas, mahupun sumbangan lain seperti kegiatan sukan, sosial dan kemasyarakatan.

Pada masa yang sama, seramai 36 pesara turut diraikan dalam majlis tersebut bagi menghargai jasa dan pengorbanan mereka sepanjang perkhidmatan.

Majlis telah disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Dato' Seri Ibrahim Ahmad selaku wakil rasmi Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Dato' Dr. Anesee Ibrahim.

Dato' Seri Ibrahim dalam ucapannya berkata Anugerah Bitara Kirana itu bukan sahaja merupakan satu bentuk penghargaan terhadap dedikasi dan kerja keras warga kerja UTHM, tetapi juga sebagai inspirasi kepada semua untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan.

Beliau turut berpesan kepada warga kampus agar dapat mengubah budaya kerja masing-masing ke arah yang lebih baik lagi, selain tidak cepat berputus asa dengan setiap cabaran yang dihadapi kerana itu adalah satu bentuk peluang untuk diri belajar dan terus berkembang.

"Anda semua adalah tonggak kekuatan universiti, oleh itu teruskan usaha dengan penuh semangat dan keyakinan, kerana kejayaan hari ini adalah langkah awal untuk lebih berjaya pada masa hadapan," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UTHM, Profesor Dr. Mas Fawzi Mohd Ali juga turut merakamkan penghargaan

dan rasa terima kasih beliau kepada semua warga kerja UTHM yang telah memberi sumbangan yang terbaik dalam memastikan kecemerlangan universiti.

Prof. Mas Fawzi turut menyeru warga kerja kampus agar sentiasa bersedia menerima perubahan kerana beliau percaya orang yang berjaya sering berusaha meningkatkan kemahiran dan kompetensi diri.

Majlis anjuran Pejabat Sumber Manusia itu turut dihadiri Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Profesor Ir. Dr. Mohd Amri Lajis; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Ts. Dr. Rabiah Ahmad; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq; Provos UTHM Kampus Cawangan Pagoh, Profesor Dr. Afandi Ahmad dan Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi, Haji Naim Maslan.

UTHM terima Anugerah Universiti TVET Terbaik Malaysia dalam teknologi pengangkutan

KUALA LUMPUR, 28 Ogos 2025 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sekali lagi mencatat sejarah membanggakan apabila berjaya dinobatkan sebagai penerima Malaysia's Best TVET University Award (Transportation Technology) sempena Malaysia Education & TVET Awards 2025.

Pengiktirafan berprestij itu disampaikan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ts. Mustapha Sakmud kepada Naib Canselor UTHM, Profesor Dr. Mas Fawzi Mohd Ali dalam satu majlis yang berlangsung pada 28 Ogos 2025 bertempat di Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur.

Anugerah itu merupakan hasil inisiatif Malaysia Education & TVET Awards yang bertujuan menghargai institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) yang cemerlang dalam pelbagai bidang serta menunjukkan inovasi, kecemerlangan pengajaran dan sumbangan bermakna kepada sektor pembangunan negara.

Pengiktirafan itu sekali gus mengangkat UTHM sebagai peneraju dalam bidang Teknologi Pengangkutan, sesuai dengan bidang tujah universiti yang berfokus kepada pembangunan kepakaran, penyelidikan serta inovasi dalam sektor tersebut.

Menurut Prof. Mas Fawzi, UTHM sentiasa menjalin kerjasama erat dengan pihak industri bagi pembangunan program akademik yang relevan dan penawaran penyelesaian inovatif kepada cabaran industri pengangkutan negara.

"Pengiktirafan ini bukan sahaja meningkatkan reputasi universiti di dalam dan luar negara, malah memperkukuh keyakinan industri terhadap kebolehan dan kepakaran UTHM dalam bidang teknologi pengangkutan.

"Saya berharap pengiktirafan ini juga dapat memberi inspirasi kepada graduan dan warga universiti untuk terus mencipta kecemerlangan pada masa hadapan," katanya.



30 pelajar Pusat Pengajian Diploma, UTHM sertai ESTE2025, rangkul 15 anugerah peringkat antarabangsa

Oleh Ts. Nur Azliza Ahmad

PETALING JAYA, 13 Ogos 2025 - Kesemua 15 projek yang dipertandingkan oleh Pusat Pengajian Diploma, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di Engineering, Science and Technology Exhibition 2025 (ESTE2025) berjaya meraih 15 anugerah inovasi peringkat antarabangsa.

Menurut salah seorang penyelia pelajar, Ts. Nur Azliza Ahmad pencapaian itu merupakan rekod terbaik sejak PPD menyertai pertandingan empat tahun lalu, sekali gus membuktikan kemampuan pelajar UTHM untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

"Bertemakan "Soaring the Skies: A Look into the Future of Innovation and Advancement," ESTE2025 memberi tumpuan kepada pemerkasaan mahasiswa secara menyeluruh melalui penerapan nilai HUSSEIN-GRITT (Global, Resilience, Innovative, Trustworthy dan Talent), yang menjadi tunjang kepada pembentukan DNA Kecemerlangan Mahasiswa UTHM.

"Kejayaan 30 pelajar PPD itu membuktikan bahawa nilai tersebut telah diterjemahkan dalam bentuk pencapaian yang nyata dan berimpak tinggi," katanya.

Daripada keseluruhan pencapaian tersebut, satu projek dari kategori 'Kejuruteraan Awam' berjaya meraih pingat perak, manakala kategori Kejuruteraan Elektrikal & Elektronik mencatat kejayaan cemerlang menerusi enam projek yang membawa pulang tiga pingat emas, dua pingat perak dan satu pingat gangsa.

Pelajar turut mendominasi kategori 'Anugerah Khas' dengan meraih lapan pengiktirafan melalui enam projek, iaitu Best Project, Best Poster *(2)*, Best Presenter, Best Demonstration, Best Innovative & Creative, *serta* Potential Project *(2)*.

Lebih membanggakan, dua projek telah mengungguli 'Potential Project Award,' iaitu Sistem Pemantauan Kerusi Penumpang Kereta dengan IoT, seliaan Ts. Ahmad Alabqari Ma'radzi dan IoT-Integrated Smoke Detection System for Residential College Using Real Time Monitoring – UTHM Pagoh seliaan Nur Azliza.

Kedua-duanya projek tersebut berjaya menandingi penyertaan pelajar sarjana muda dari universiti lain.

Untuk rekod, sebanyak 56 projek telah dipertandingkan melibatkan pelajar sarjana muda dan diploma dari institusi ternama seperti MAHSA University selaku tuan rumah, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Asia Pasific University (APU), UCSI University, Sunway University, Lincoln University College, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Sepang, Vellore Institute of Technology dan Dr. M.G.R. Educational and Research Institute, Chennai, India.

Sementara itu, panel penilai pula terdiri daripada pakar akademik dan industri antaranya daripada UTHM, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Sunway College, Agensi Nuklear Malaysia, Dyson LTD, Ericsson Resource & Competence Center dan Petrobus Resources.

"Kejayaan itu turut disokong oleh komitmen tinggi para pensyarah selaku penyelia serta kesungguhan pelajar tahun satu, dua dan semester khas yang berani menerima cabaran untuk beraksi di peringkat antarabangsa," tambah Nur Azliza.



UTHM jalin kerjasama dengan OISCA, perkukuh hubungan Malaysia-Jepun

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menjalin kerjasama dengan The Organization for Industrial, Spiritual and Cultural Advancement (OISCA) dalam berapa bidang terutamanya bidang mobiliti pelajar, akademik, penyelidikan dan pembangunan komuniti dan alam sekitar selari dengan hala tuju Global Technopreneur University 2030.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, satu Majlis Perjanjian Persefahaman (MoU) antara UTHM dan OISCA telah diadakan pada 6 Ogos 2025.

Perjanjian kerjasama itu akan ditandatangani oleh Naib Canselor UTHM, Profesor Dr. Mas Fawzi Mohd Ali, manakala OISCA pula diwakili oleh Naib Presiden Eksekutif OISCA International, Yasuaki Nagaishi, sambil di saksikan Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Ts. Mustapha Sakmud.

Untuk rekod, OISCA ialah sebuah pertubuhan yang berperanan untuk mempromosikan kerjasama antarabangsa dalam bidang industri, asas kerohanian dan penglibatan budaya.

Pertubuhan ini mempunyai pengalaman lebih 60 tahun, serta telah menubuhkan lebih 20 pusat latihan, 31 cawangan dan beberapa projek kerjasama dengan 41 negara.

Prof. Mas Fawzi dalam ucapannya berkata perjanjian kerjasama bagi tempoh lima tahun itu bakal memberi impak yang besar kepada UTHM terutama dalam aktiviti mobiliti dan pembangunan pelajar, projek penyelidikan, penempatan industri untuk staf akademik, perundingan bersama, tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi projek alam sekitar dan bidang kerjasama lain yang dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak.

“UTHM terus memainkan peranannya dalam memperkukuh kerjasama strategik antara Malaysia dan Jepun melalui hubungan erat dengan OISCA, sekali gus memperteguh kedudukan Malaysia dalam diplomasi pendidikan dan pembangunan mampan serantau.

“Rangkaian luas OISCA ini bakal memberi peluang yang baik kepada pelajar dan staf UTHM khususnya

berkaitan mobiliti dan latihan industri antarabangsa, pertukaran pelajar serta projek penyelidikan dalam bidang seperti pengangkutan, aplikasi tenaga boleh diperbaharui, pembangunan komuniti dan pemuliharaan alam sekitar.

"Kerjasama ini juga berupaya memberi impak yang sangat signifikan dalam usaha universiti ke arah Global Technopreneur University 2030 terutama dalam melahirkan graduan yang kompeten, profesional, berdaya usahawan dan peka terhadap isu global, sekali gus mampu menangani cabaran sosio-alam sekitar yang kompleks," katanya.

Sementara itu, Yasuaki dalam ucapannya pula berkata pada masa ini, Jepun sedang berdepan dengan isu penyusutan populasi yang mengakibatkan kekurangan tenaga kerja kronik.

"Oleh itu, sudah tiba masanya untuk Jepun dan Malaysia saling bertukar tenaga kerja muda, terutamanya pelajar universiti melalui program latihan teknikal, latihan industri dan penempatan di syarikat," katanya.

Pengalaman OISCA selama enam dekad dalam mempromosikan kerjasama antarabangsa melalui penglibatan industri, asas kerohanian (pembangunan berteraskan nilai dan etika alam sekitar) serta penglibatan budaya, amat bertepatan dengan komitmen UTHM terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), pendidikan holistik dan kerjasama global.

Selain itu, inisiatif bersama seperti program khidmat masyarakat, program latihan pelajar dalam bidang pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) dan kempen kesedaran kelestarian di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa melalui rangkaian OISCA, akan memperkuatkan lagi impak sosial UTHM dan memenuhi fungsi ketiganya iaitu UTHM Prihatin.

Kolaborasi itu akan memposisikan UTHM sebagai universiti terkemuka Malaysia yang aktif mencari penyelesaian praktikal dan kolaboratif terhadap cabaran kelestarian global.

Brisk walk bersama Naib Canselor UTHM lakar logo Malaysia Madani

BATU PAHAT, 21 Ogos 2025 – Bagi menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan warga kampus, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menganjurkan program "Must Move with VC: Brisk Walk Merdeka Madani Warga Disantuni" dengan berjalan mengelilingi kampus, lalu membentuk logo Malaysia Madani di trek laluan.

Logo Malaysia Madani yang terbentuk boleh dilihat melalui penggunaan jam pintar dan aplikasi seperti 'Strava' yang merekod trek perjalanan.

Program anjuran Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat (PPKK) yang berbentuk santai dan sihat itu melibatkan penyertaan staf dan pelajar UTHM, dengan berpakaian bertemakan 'Jalur Gemilang' sebagai simbol kebersamaan dan cinta kepada negara.

Program dimulakan dengan sesi regangan ringan sebelum berlangsungnya aktiviti brisk walk sejauh lebih tiga kilometer bersama Naib Canselor, Profesor Dr. Mas Fawzi Mohd Ali.

Menutup acara, Naib Canselor turut menyampaikan ucapan ringkas serta menyerahkan bendera kepada Ketua Kontinjen Kejohanan Karnival Sukan Jabatan Bendahari MTUN Kali ke-4 Tahun 2025, sebagai simbolik sokongan dan semangat juang sukan warga universiti.

Beliau dalam ucapannya berkata program itu bukan sekadar aktiviti fizikal, tetapi satu manifestasi komitmen universiti dalam memupuk budaya kesihatan, kesejahteraan dan keseimbangan hidup yang holistik dalam kalangan warga kerja.

"Saya percaya, kesihatan fizikal turut menyumbang kepada kesihatan mental, emosi dan produktiviti kerja, makanya pelaksanaan program secara bersiri ini diharapkan dapat menjadi amalan berterusan dan bukan sekadar aktiviti bermusim," katanya.

Pelaksanaan program sebegitu bukan sahaja bertujuan memperkukuh gaya hidup sihat dalam kalangan warga kampus, malah menjadi medium penyatuan dalam menyambut ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-68 dengan penuh semangat Malaysia Madani.



Terbitan Terkini



TALES OF SOILS: GET YOUR HANDS DIRTY, BUT MAKE YOURSELF BRAINY

Chiam Jing Tong; Danieal Zita; Muhammad Faqree Aiman Mahtar; Chee-Ming Chan; Salina Sani; Tuan Noor Hasanah Tuan Ismail

978-629-490-187-2

Tales of Soils: Get Your Hands Dirty, but Make Yourself Brainy is a compilation of personal, heartwarming stories of self-discovery, learning and growth of student hailing from the SOIL Class, Semester 2 Session 2023/2024. The essays are arranged by sections: It starts with individual aspirations written at the beginning of the semester, followed by a collective group essay as closure at semester end. The stories tell of anxiety for the unchartered waters, worry for the unknown new knowledge base and excitement for the adventure in store, then threads through to the group reflections coming out of the journey after overcoming SOIL perils, EARTH ambush, and GROUND booby traps. We especially hope that future SOIL students would enjoy the book, and find something worthy to take with them on the earthy learning adventure. Happy reading



PH.D UNTUK PART-TIMERS

Mohammad Ahraf Rahman

Mariah Awang

978-629-490-192-6

Ph.D untuk Part-Timers: Buat Separuh Masa, Bukan Buat Separuh Jalan, Buat Dengan Sepenuh Jiwa adalah panduan santai yang ditulis khas buat anda yang sedang mengejar Ph.D sambil mengimbangi kerjaya, keluarga dan komitmen hidup yang lain. Buku ini menawarkan tips praktikal, strategi bijak serta motivasi untuk membantu anda melangkah dari permulaan hingga tamat dengan jayanya. Sama ada anda sedang berdepan dengan cabaran penyelidikan, menulis tesis atau menghadapi viva, buku ini akan menemani anda di setiap langkah. Jangan buat separuh jalan, buatlah dengan sepenuh jiwa dan capai impian Ph.D anda!



The Weightiness of a Blank

Iman Mirza

978-629-490-110-0

Sometimes the heart breaks and cries; sometimes the heart mends and reposes; at times the heart goes cold in bewilderment; thank God most of the time the heart keeps warm and carries on.

30 poems written over 2 cycles of Ramadhan: Unwinding the heart's musical box and projecting imagery from dancing words. Without the faintest idea of dramatization and sensationalisation, speaking truths as truths reflect themselves in the most unbiased mirror called conscience: A blank space open for interpretation.

Would you care to spare 30 minutes to fill this BLANK?

UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

GTU2030

Global Technopreneur University 2030